

10/11/1999

Laman reformasi penuh fitnah

Pelanggan Internet

KAMI mengikuti laman reformasi di Internet setiap hari untuk melihat apa hujah yang disajikan oleh mereka yang menyumbang tulisan di laman berkenaan.

Kemudian kami menyelidik sekiranya ada masa mengenai kesahihan maklumat menerusi telefon atau e-mel atau menyaksikan sendiri peristiwa itu. Kami adalah sekumpulan anak Melayu yang disebut pengundi atas pagar. Kami dapati maklumat yang ada boleh diklasifikasikan mengikut kesimpulan berikut setelah sekian lama mengikutinya:

- * Saya berpendapat penulis laman itu adalah pereka cerita yang gagal menyelami semua peringkat pemikiran tetapi berjaya membuakkan perasaan marah yang bersifat sementara dan meledakkan emosi kumpulan tertentu.

- * Penulis laman itu juga memperkecilkan keupayaan pembaca yang ingin berfikir dan menganalisis maklumat yang diberi tanpa memberi data yang sempurna dan tepat.

Penulis juga sering meminda maklumat yang sudah maklum kepada orang ramai. Contohnya jumlah orang yang hadir di sesuatu ceramah dan rekaan data yang lain akan diragui kesahihannya.

- * Penulis beranggapan pembaca tidak berminat untuk membaca media lain.

- * Terlalu menumpukan perhatiannya kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan usaha menghancurkan kewibawaan Perdana Menteri dilakukan secara berterusan. Kami berpendapat penulisnya menggunakan bentuk perang saraf benci dan gugat tanpa menjelaskan fitnahnya dengan bukti yang kukuh.

Ini mengesahkan lagi bahawa penulis berkenaan berpendapat Dr Mahathir mempunyai keupayaan bertindak sebagai perisai bangsa Melayu dalam apa-apa keadaan.

- * Penulis tidak pernah mengutarakan bukti di dalam rencananya. Ada kalanya benang yang basah hendak ditegakkan.

- * Adakah penulis laman itu pernah menjadi penyokong Umno yang kuat dan kemungkinan pernah menjadi penasihat kepada salah seorang orang kuat Umno yang ada sekarang.

- * Perkara pokok mengenai manifesto barisan alternatif tidak dibuat dalam bentuk berilmiah dan tidak ada pun pembelaan yang dibuat mengenai soalan yang sedang hangat di persoalkan, iaitu Pas mengikut telunjuk DAP dan Keadilan sehingga sanggup menggugurkan asas perjuangannya iaitu membina negara Islam.

Sekiranya penulisnya tidak dapat mengutarakan perdebatan yang bernas mereka mengarah serangan kepada Dr Mahathir dan membela Anwar Ibrahim.

Modal yang akhir adalah menggunakan anak-anak Anwar sebagai watak dalam penulisannya.

- * Penulis secara spontan sering berdusta, menghambat pihak tertentu dengan gelaran yang dikeji Allah SWT dan kemudian diakhiri dengan kalimah ALLAHUAKHBAR. Saya berpendapat penulis tidak takut kepada ALLAH SWT.

- * Penulis laman itu bersifat orang yang bekerja sepenuh masa mengisi laman itu. Pasti ada pembayaran yang diberi seperti juga pemimpin parti tertentu ataupun sudah banyak mengisi tabung melalui projek tertentu dan tidak perlu memikirkan akibat yang mungkin berlaku kepada dirinya. Bezanya kita rakyat biasa terpaksa mengeluarkan belanja untuk mengunjungi lamannya.

- * Antara dusta yang di nyatakan adalah perhimpunan BN, kata laman itu ada 10 peratus saja penonton di Stadium Nasional Bukit Jalil. Penulisnya menyatakan BN akan malu besar.

Kenyataan ini meleset sama sekali kerana saya berada di sana untuk menjadi saksi pada hari itu dan Stadium Nasional penuh sesak. Sekiranya yang berada di luar stadium masuk ke dalam stadium tepat pada masanya ia mungkin tidak dapat menampung semua penyokong BN pada malam itu.

Hanya pembukaan Sukan Komanwel saja yang lebih besar dan dapat mengatasi kemeriahan perhimpunan itu.

Keesokan harinya saya dapati rencana itu dipadamkan secara tiba-tiba.

* Penulis adakalanya menulis dengan nama samaran yang berlainan untuk menyesuaikan dirinya dengan cerita yang ditulisnya.

* Penulis berpendapat penulisan membenci sesuai dengan jiwa orang Melayu dan orang Melayu dianggapnya kumpulan sasaran yang paling mudah di perdaya.

* Penulisnya menggunakan kata-kata yang tidak manis dan beliau adalah daripada golongan manusia yang kurang adab dan tidak bertatasusila.

Kami berpendapat laman reformasi ini ditulis oleh orang yang mempunyai sikap suka memperkecilkan keupayaan orang lain.

Kami bersimpati dengan penulis yang hanya berpaksi kepada tiga individu, iaitu Dr Mahathir, Anwar dan bayang penulis sendiri.

Ia bukan untuk memperjuangkan bangsa atau membawa angin perubahan untuk kebaikan rakyat. Tetapi ia semata-mata untuk meledakkan perasaan yang tidak digalakkan mana-mana agama dan budaya.

Kami berpendapat Laman Reformasi ini banyak meletakkan daya berfikir yang rendah dan menggambarkan betapa hitamnya hati seseorang insan yang dikurniakan akal, keupayaan dan rezeki tetapi menggunakannya untuk memfitnah dan mengelirukan rakyat yang tidak berdosa.